

Pemeriksaan Modal Insan dalam Kalangan Mahasiswa Program Persuratan Melayu

Mawar Safei

ABSTRAK

Makalah ini meneliti proses pemeriksaan modal insan, adakah ia berakhir dalam bidang pendidikan, bagaimana dengan ruang lain yang dapat digembleng mahasiswa sebaiknya. Wajarkah dirobohkan persepsi, tradisi mahupun stereotaip bahawa graduan pengajian Melayu (kesusasteraan) harus menjadikan pendidikan/peguruan sebagai bidang kerjaya mereka? Bagaimanakah pula peranan kemahiran insaniah/generik (*soft skill*) yang diserapkan dalam kursus-kursus pengajian, dapat membentuk dan membina sahsiah serta diri mahasiswa pengajian Melayu yang lebih pelbagai, terbuka, kreatif-inovatif dan lentur bidang. Metodologi yang digunakan adalah menerusi (i) soal selidik yang dibina, (ii) mendokumentasikan permasalahan, (iii) mendokumentasikan dan mendapatkan maklum balas dari graduan, (iv) menganalisis dan interpretasi data, (v) melakukan ulangan dan penambahbaikan, dan (vi) penulisan serta penerbitan laporan. Hasil kajian ini memperagakan kursus Latihan Industri memperlihatkan keberkesanan latihan yang diperoleh pelajar, meninjau kebolehpasaran graduan program serta strategi penambahbaikan kursus.

Kata kunci: Latihan Industri, sektor pendidikan, kemahiran insaniah, subjek kesusasteraan, kebolehpasaran.

ABSTRACT

This study reviews the process of empowerment of human capital, was it end up in education or there is a better space? Does it a stereotype that the Malay Literature students should attach themselves in education as career? How the soft skills which embedded in the courses could mould and cultivate their personality, to be more open minded, creative-innovative and multi disciplined person. Methodology used in this research by using (i) questionnaire, (ii) problem documented, (iii) students feedback, (iv) data analysis and interpreting, (v) repeating and improving process, and (vi) write up and report publication. The findings demonstrate that the Practicum testified, identify the marketability and the strategies to do some improvements on the course.

Keywords: Practicum, education sector, soft skills, literature subject, marketability.

Pendahuluan

Modal insan, *human capital*, asalnya adalah satu istilah dalam wacana ekonomi. Ia awalnya banyak disebut dan dibahaskan oleh beberapa nama dalam bidang berkenaan antaranya seperti A. W. Lewis (1954) menerusi *Economic Development with Unlimited Supplies of Labour*, Arthur Cecil Pigou (1928) dalam *A Study in Public Finance* atau Jacob Mincer (1958) lewat *Investment in Human Capital and Personal Income Distribution*. Begitu juga menerusi tulisan *Human Capital* oleh Gary Becker (1964), pakar ekonomi aliran pemikiran Chicago. Modal insan dilihat setanding dengan bahan fizikal untuk tujuan pengeluaran. Pengusaha boleh melabur dalam bentuk modal insan yang dapat dibentuk misalnya menerusi pendidikan, latihan atau pengalaman.

Mantan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Badawi juga pernah menegaskan upaya membangunkan modal insan sebagai antara landasan kecemerlangan generasi hadapan. Modal insan yang dimaksudkan merupakan individu yang mempunyai kekuatan,

... berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Inilah modal insan yang memiliki personaliti unggul. Merekalah yang akan menentukan hala tuju negara pada masa hadapan.

Dalam perbincangan ini, modal insan dilihat dalam lingkungan pengajian Melayu. Mahasiswa yang dididik dengan sekian banyak kursus dalam jangka masa pengajian, dilihat sebagai modal insan yang dapat diperkasakan menuju perjalanan kerjaya mereka. Latihan Industri SKM3006, merupakan kursus bersifat amali yang menjadi lapangan formal ke arah pemilihan kerjaya selepas tamat pengajian. Ia ditawarkan program antara lain bagi menyediakan arah pembentukan dan pemerksaan modal insan berkenaan. Daripada kajian yang dijalankan, menerusi data pemilihan dan kerjaya, ternyata mahasiswa program Persuratan Melayu banyak menjuruskan bidang mereka dalam pendidikan dengan memilih sekolah sebagai organisasi. Isunya, adakah bidang pendidikan yang menjadi matlamat bentuk modal insan yang dikehendaki program? Tidakkah bidang-bidang lain turut dapat disertai graduan program Persuratan Melayu? Bagaimana pula dengan masukkan/serapan kemahiran insaniah dalam kursus-kursus lain yang turut menyediakan ruang pemerksaan yang dimaksudkan? Beberapa permasalahan ini mahu diperhalusi dalam ruang perbincangan.

Latar Kajian

Makalah ini bertujuan untuk melihat proses pemeraksanaan modal insan mahasiswa program Persuratan Melayu khusus apabila bermulanya mahasiswa diwajibkan mengambil kursus Latihan Industri (SKMM3006) dalam jumlah unit pengajian mereka. Mahasiswa diberikan latihan dan bimbingan berbentuk amali sewaktu berada di organisasi yang dipilih. Kajian ini mahu melihat keberkesanan kursus ini bagi tujuan proses pemeraksanaan yang dimaksudkan. Penulisan ini mengambil jangka masa penyelidikan yang dijalankan (Penyelidikan UKM-PTS-093-2010 Kajian Jejak Kesan Graduan Secara Holistik Program Persuratan Melayu) dan penyelidikan yang dilanjutkan kemudiannya (UKM-PTS-2011-080 Kajian Jejak Kesan Graduan Program Persuratan Melayu Pasca Latihan Industri). Kajian pertama memperlihatkan kelompok mahasiswa kajian yang terdiri daripada empat kumpulan sesi pengajian iaitu (i) 2004/2005 (graduan tahun 2007), (ii) 2005/2006 (graduan tahun 2008), (iii) 2006/2007 (graduan tahun 2009) dan (iv) 2007/2008 (graduan tahun 2010). Sementara kajian pusingan kedua menumpukan kumpulan sesi pengajian terkini iaitu kumpulan 2008/2009 (graduan 2011).

JADUAL 1 Bidang Pekerjaan Siswazah Program Persuratan Melayu (2007-2010)

Kumpulan Pekerjaan	Jumlah
Profesional	10 (16.13%)
Pendidikan	21 (33.87%)
Perkhidmatan dan Pengurusan	15 (24.19%)
Perkilangan	12 (19.36%)
Pelancongan	1 (1.61%)
Perniagaan	3 (4.84%)
Jumlah	62 (100%)

Merujuk Jadual 1, antara kajian pertama itu memperlihatkan daripada 98 orang siswazah program yang dapat dihubungi, 63.2% (20 orang bekerja tetap, 20 orang bekerja sambil, 22 orang bekerja secara kontrak); sementara 17.3% (17 orang) belum mendapatkan pekerjaan. Selebihnya melanjutkan pengajian di peringkat pasca sarjana ataupun perguruan. Jadual berikut memperincikan bidang pekerjaan yang disertai mereka. Tumpuannya adalah terhadap jumlah tertinggi iaitu 33.87% yang mengkhusus dalam bidang pendidikan.

Dapatan kajian pusingan pertama ini kemudiannya diabsahkan dalam pemerhatian kajian pusingan kedua (rujuk lampiran). Ternyata bidang pendidikan masih menjadi pilihan utama mahasiswa. Seramai 12 orang yang memilih mengajar di sekolah-sekolah yang rata-rata berhampiran dengan tempat tinggal mereka/kedua ibu bapa. Begitu juga dengan 9 orang (30%) yang memilih sektor pentadbiran, adalah masih terbabit dengan bidang pendidikan di Jabatan Pendidikan Daerah.

Perbincangan


Bermula sesi pengajian 2010/2011, semua mahasiswa tahun akhir di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, menjalani kursus bertaraf wajib fakulti iaitu SKMM3006 Latihan Industri. Pengambilan kursus ini dilihat sebagai landasan awal mahasiswa memilih jalur kerjaya mereka selepas tamat pengajian. Menerusi tulisan ini (yang digerakkan dari penyelidikan yang dimaksudkan), dilihat apakah jenis organisasi yang dipilih mahasiswa untuk mereka menjalani Latihan Industri itu. Pemilihan tersebut antaranya mahu dikaitkan dengan isu yang diajukan dalam seminar ini iaitu pemeraksanaan modal insan.

Ia selari dengan apa yang dimaksudkan dengan sinopsis kursus ini sepertimana yang dicetak dalam buku *Panduan Prasiswazah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Sesi 2010/2011*, iaitu kursus ini memperkenalkan kepada pelajar tentang budaya kerja dalam konteks wacana dan persekitaran tempat kerja. Di antara unsur-unsur pembelajaran yang ditekankan termasuklah mendengar dan turut serta dalam perbincangan idea sesuatu projek yang dikendalikan oleh organisasi. Pelajar juga memperoleh kemahiran untuk mengenal pasti isu dan mengungkapkannya dalam pelaksanaan tugas, mengolah maklumat yang diperolehi dari pihak organisasi dan membahaskannya secara kritis dalam konteks pelaksanaan tugas. Melalui kursus ini juga pelajar mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan dalam menangani tugas.

Sementara hasil pembelajaran kursus ini, mahasiswa dipercayai:

1. Dapat mengenal pasti tatacara organisasi dan etika di organisasi
2. Berupaya membahaskan ilmu kesusasteraan di organisasi
3. Boleh mengaplikasikan teori kesusasteraan dalam pelaksanaan tugas (perbincangan, penulisan, pengajaran).

Namun, bagaimana pula kecenderungan yang diperagakan kebanyakan mahasiswa yang memilih bidang pendidikan seperti dalam Rajah 1? Mahasiswa rata-rata menjadikan pemilihan dalam bidang berkenaan sebagai satu amalan yang harus dijadikan tradisi. Di samping melihat dalil bahawa kerjaya sebagai pendidik itu adalah dalam lingkungan zon selamat dan tidak berisiko tinggi.



RAJAH 1 Organisasi Pilihan Mahasiswa Latihan Industri Sesi 2010/2011

Cabaran dalam bidang ini dianggap sebagai suatu norma yang dapat diterima. Pada satu pihak lain, kian menjadi pendirian kerajaan untuk terus mengecilkan pengajaran kesusasteraan. Apa yang berlaku adalah graduan kesusasteraan ini dalam banyak keadaan tidak akan mengajar mata pelajaran kesusasteraan; wujud pula konflik penyaluran ilmu kesusasteraan itu tidak berlaku. Atau dapat diusulkan, mahasiswa tidak dibenarkan memilih lapangan pendidikan dalam alur Latihan Industri mereka (walaupun nanti atas pilihan sendiri selepas tamat pengajian, untuk masih memilihnya atas minat peribadi).

- OP1: Memberi ilmu Persuratan Melayu (sastera) yang cukup;
- OP2: Melatih kemahiran psikomotor;
- OP3: Melestarikan nilai tradisi Melayu dengan takat profesionalisme yang tinggi;
- OP4: Memahirkan diri memimpin dan mengurus secara kreatif, kritis dan inovatif;
- OP5: Menerapkan fahaman pembelajaran sepanjang hayat.

Merujuk objektif pembelajaran program berkenaan, ternyata objektif ini menawarkan lorong yang lebar untuk mahasiswa mendobrak ruang pekerjaan yang lebih beragam dan bukan hanya menumpukan kepada dalam jurusan pengajaran. Pernah dibincangkan dalam seminar Sebahtera 2010, misalnya kursus Penulisan Kreatif SKMM2083 yang menawarkan banyak ruang pembikinan dan pemerksaan modal insan. Pemikiran dan penjanaaan kepada konsep “menjadi pengarang” juga dapat disemai dan kemudiannya tumbuh dengan sihat dalam kerangka kerjaya mahasiswa termasuk kemahiran keusahawanan. Ia juga merupakan ruang pembinaan sahsiah mahasiswa sebagai manusia yang “berkemampuan mencipta sesuatu yang baharu” (kreatif-inovatif-kritis). Ia membentuk bersikap “mencipta” dan bukan hanya “menambah” nilai ilmu yang sedia ada dan inilah sumbangan mereka kepada masyarakat.

Menariknya, kursus ini bukan sahaja menyediakan ruang tersebut dalam lingkungan semasa menjalani Latihan Industri, sebaliknya saat mengikuti kursus, mahasiswa melakukan tugas dan karya mendapat tempat di wadah penerbitan/penyiaran. Begitu juga dengan beberapa kursus yang bersifat kritikan sastera seperti SKMM3013 Sastera Bandingan, SKMM3133 Sastera Asia Tenggara atau SKMM3143 Sastera Undang-undang dan Ketatanegaraan. Kerja menilai sesebuah karya dapat dilakukan dalam tugas dan ia dapat diajukan untuk tujuan penyiaran di media. Ia jelas memenuhi tuntutan teras dasar pembinaan modal insan mantan Perdana Menteri, antaranya, “membangunkan masyarakat inovatif dan kreatif, yang mempunyai pengetahuan dan keupayaan sains dan teknologi yang kukuh serta memiliki kemampuan memperoleh dan menggunakan pengetahuan”.

Suatu yang menjadi pokok persoalan, adakah semestinya graduan memasuki bidang kerjaya persis bidang pengajiannya? Adakah semestinya mahasiswa/graduan kesusasteraan akhirnya menjawat pekerjaan sebagai pendidik dalam jurusan kesusasteraan, editor sastera atau penulis. Bagaimana jika mereka menyertai bidang di luar sempadan itu; menjadi pakar runding hiasan dalaman, pemandu pelancong, pegawai kastam ataupun seorang pengurus kedai makanan segera. Adakah ia dilihat sebagai satu kegagalan pembentukan kurikulum. Atau sebaliknya, adakah ia dilihat satu kejayaan bagi memasyarakatkan kesusasteraan, bidang ini sangat lentur dalam apa sahaja bidang (kecuali jurusan profesional seperti kedokteran atau sains tulen). Bukankah mahasiswa/graduan kesusasteraan yang memasuki bidang pekerjaan yang pelbagai sebenarnya perwakilan terhadap kekuatan modal insan dengan mutu kemahiran insaniah yang terpuji.

Dalam aluran UKM dan kebanyakan IPT, senarai panjang kemahiran insaniah, sangat membantu pembikinan sahsiah mahasiswa seperti:

1. Kemahiran Berkomunikasi
2. Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah
3. Kemahiran Kerja Berpasukan
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
5. Kemahiran Keusahawanan
6. Etika dan Moral Profesional
7. Kemahiran Kepimpinan

Ia kemudian diberi acuan khusus dalam aluran program Persuratan Melayu seperti dalam senarai hasil pembelajaran program berikut:

HPP1: Menguasai ilmu Persuratan Melayu (sastera)

HPP2: Menguasai kemahiran praktikal

HPP3: Mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran saintifik

HPP4: Mempunyai kecekapan berkomunikasi

HPP5: Mempunyai kemahiran dan kebertanggungjawaban sosial

HPP6: Memiliki pengurusan maklumat dan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat

HPP7: Menguasai kemahiran mengurus dan keusahawanan

HPP8: Menguasai nilai, sikap dan keprofesionalan

HPP9: Menguasai kemahiran kepimpinan

Mutu peribadi ini yang sangat diharapkan menjadi modal dalam diri mahasiswa dan graduan yang dikeluarkan. Mereka bukan sahaja mendapat kelulusan yang cemerlang dalam kerja akademik tetapi mempunyai sekian kepujian dalam hubungan kemanusiaan. Ia selaras dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Negara, matlamat utama pendidikan negara adalah untuk menghasilkan individu yang saksama dari sisi kecerdasan, akal budi, rohani, emosi dan fizikal.

Misalnya dalam pengalaman mengendali kursus tahun satu SKMM1043 Cerpen Melayu, mahasiswa ditugaskan mengadakan satu sesi apresiasi kepada penerima Hadiah SEA Write 2010 Zaen Kasturi.[□] Mahasiswa menyediakan perancangan bermula dengan surat menyurat kepada tokoh dan pihak fakulti, promosi (poster dan blog tokoh <http://harisusasterazaenkasturi.blogspot.com> dan <http://zaenkasturi.blogspot.com>), penajaan serta melibatkan banyak kerja teknikal lain. Mereka bekerja dalam kumpulan jawatankuasa sepertimana lazim berlaku dalam kebanyakan penyelenggaraan kegiatan. Penilaian kursus ini

banyak mempertimbangkan tahap komunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan, berfikiran kritis dan berkemahiran menyelesaikan masalah semasa projek dijalankan; selain daripada peperiksaan akhir di hujung semester. Mahasiswa sangat dilatih untuk mengenal pasti kemahiran insaniah yang diperlukan dan menyedari akan keperluan itu. Sepanjang perjalanan tugas itulah mutu modal insan dapat dibangunkan. Ia seterusnya diperkasakan pada masa akan datang melalui kursus-kursus yang ditawarkan.

Rumusan

Persepsi mahasiswa Program Persuratan Melayu terhadap bidang kerjaya untuk sekian lama banyak dijuruskan kepada bidang pengajaran/pendidikan. Berbekalkan kursus-kursus yang disediakan, serapan kemahiran insaniah, tanggapan dan stereotaip itu sudah harus dirobohkan. Modal insan yang dipupuk dapat diperkasakan dengan keyakinan dan pandangan yang lebih terbuka. Mahasiswa dan graduan Pengajian Melayu harus menyedari bahawa banyak peluang pekerjaan yang dapat mereka ceburi. Menariknya bagaimana mereka dapat menjadikan bekalan modal insan yang diperoleh sepanjang tempoh pengajian, dipelbagaikan serta dimanfaatkan dalam pelbagai sektor pekerjaan. Lulusan kesusasteraan Melayu harus tampil sebagai insan yang lentur dan mulur; punya hubungan dua paksi yang luhur kepada Tuhan mahupun sesama makhluk.

Rujukan

- Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2010*. Pusat Pembangunan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mawar Safei, Imran Ho-Abdullah, Rahim Aman , Maslida Yusof, Norashikin Ibrahim dan Faradi Mohd Ghazali. 2010. *Kajian Jejak Kesan Graduan secara Holistik Program Persuratan Melayu*.
- Mawar Safei. 2010. *Penulisan Kreatif: Cabarannya dalam Kerangka Pengajian Melayu, Prosiding Sebahtera*.
- Panduan Prasiswazah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Sesi 2010/2011*. 2010. Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yahaya Ibrahim dan Abd. Hair Awang (ed.). 2008. *Pembangunan Modal Insan: Isu dan Cabaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- http://en.wikipedia.org/wiki/Human_capital (11 Disember 2011)
- <http://www.pmo.gov.my/modalinsan/index.html> (12 Disember 2011)

Lampiran

Pemilihan Organisasi Latihan Industri oleh 30 mahasiswa Program
Persuratan Melayu Sesi 2010/2011

Kerajaan	Majlis Perbandaran (4) (13.3%)	Kelang
		Batu Pahat
		Maran
		Yong Peng
	Pejabat Pendidikan Daerah (9) (30%)	Machang
		Kuala Krai (2)
		Samarahan
		Kota Bharu (3)
		Pasir Mas
		Langkawi
	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (1) (3.33%)	Kuala Lumpur
		Langkawi
	Pejabat Belia dan Sukan (1) (3.33%) Sekolah (12) (40%)	SMK Sungkai
		SMK Alam Megah
		SMK Bukit Changgung, Banting
		SK Merapoh, Kuala Lipis
		SMK Hamzah, Machang
		SRK Darau, Jeritih
		SK Seri Yong Peng
SK Sungai Rengit, Pengerang		
SK Tok Motong, Jeritih		
SMK Tun Abang Haji Openg, Kuching		
SMK Syed Ibrahim, Pendang, Kedah		
SMK Merbok, Kedah		
Swasta	Penerbitan (3) (10%)	Harakahdaily
		Jemari Seni (2)

Nota: Nombor dalam kurungan adalah bilangan/peratusan mahasiswa yang terlibat

